

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]
TARIKH : 15 JUN 2015
SOALAN :

YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan setakat mana Kerajaan berjaya menghasilkan agen anti cancer, anti-inflammatory, anti-microbial, anti-diabetic dan anti-dengue daripada herba tempatan melalui kewujudan Majlis Pembangunan Herba Negara (MPHN) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) yang mana bertanggungjawab mempromosikan penyelidikan perubatan tradisional dan herba untuk digunakan oleh pesakit berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) memang telah dan terus menjalankan kajian bagi memastikan ubat-ubatan berasaskan herba adalah berkesan dan

selamat untuk digunakan oleh pesakit-pesakit berkaitan. Kajian ubat-ubatan herba pada dasarnya melibatkan dua peringkat utama iaitu pra-klinikal dan klinikal.

Peringkat pra-klinikal adalah dimana kajian dijalankan ke atas sel-sel dan haiwan bagi memastikan herba yang standard dibuktikan berkesan dan selamat untuk digunakan oleh manusia. Keberkesanan sesuatu herba menjalankan sesuatu aktiviti seperti membunuh kuman, mengurangkan kandungan gula di dalam darah, membunuh sel kanser atau menghalang tumbesaran sel kanser perlu dibuktikan sebelum ianya boleh dipanggil anti-microbial, anti-diabetic atau anti-cancer. Cara-cara bagaimana ubat herba tersebut bertindak di dalam badan bagi menghasilkan aktiviti tersebut turut perlu dikaji.

Kajian keselamatan adalah berdasarkan jangkaan tempoh masa ubat herba tersebut akan digunakan. Sebagai contoh, anti-diabetic, ianya adalah ubat herba yang akan digunakan dalam jangka masa yang panjang. Oleh itu, kajian keselamatan di dalam haiwan akan mengambil masa sekurang-kurangnya setahun. Dalam keadaan ini tempoh masa yang diperlukan akan menjadi lebih lama.

Pada peringkat klinikal pula, kajian adalah bagi menentukan dos yang selamat digunakan, ubat herba tersebut berkesan dan tidak mempunyai kesan sampingan yang memudaratkan ke atas manusia. Terdapat beberapa fasa iaitu fasa satu, dua dan tiga dimana kajian ke atas dijalankan secara berperingkat.

Kesemua peringkat ini mengambil masa yang lama dan bertahun-tahun. Ianya juga menuntut perbelanjaan yang tinggi. Pada tahun-tahun terdahulu, kajian dijalankan secara rawak dan kurang teratur. Semenjak tahun 2010, di bawah EPP1 dengan laporan kepada MPH N yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, usaha ini telah dijalankan dengan lebih teratur berdasarkan dana yang stabil. Buat masa ini, terdapat berbagai ubatan herba yang di dalam kajian dan berada pada pelbagai peringkat dan ada yang telah berada di peringkat klinikal antaranya anti dengue (*Carica papaya*) dan Hepar P (dukung anak). Adalah dijangkakan dalam masa beberapa tahun akan datang, ubatan herba ini serta beberapa produk lain akan dapat digunakan dengan selamat.